

UNDANG-UNDANG BRUNEI

EDISI SEMAKAN 1984

PENGGAL 69

**PENAPISAN GAMBAR-GAMBAR FILEM DAN
PENGHIBURAN-PENGHIBURAN ORANG
RAMAI**

SUSUNAN BAB

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

**PUSAT PENAPIS FILEM DAN SETENGAH-
SETENGAH PENGHIBURAN ORANG RAMAI**

3. Lantikan Senarai Penapis.
4. Filem-filem akan dipertunjukkan kepada Penapis

5. Kuasa-kuasa Penapis.
6. Perubahan atau pemotongan.
7. Ikral berkenaan dengan pengenalan filem.
8. Benda-benda iklan.
9. Cap penapisan.
10. Rayuan-rayuan daripada keputusan Penapis.
11. Penyemakan yang istimewa oleh Lembaga.
12. Pengecualian
13. Bayaran.
14. Penyemakan penghiburan-penghiburan orang ramai.
15. Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.

BAHAGIAN III

PENAPISAN OLEH PENAPIS TEMPATAN BAGI PENGHIBURAN ORANG RAMAI

16. Penapis Tempatan
17. Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.
18. Kuasa-kuasa Penapis Tempatan.

BAHAGIAN IV

RAMPAIAN

19. Peraturan-peraturan.

AKTA PENAPISAN GAMBAR-GAMBAR FILEM DAN
PENGHIBURAN-PENGHIBURAN ORANG RAMAI

Satu Akta untuk mengadakan syarat bagi penapisan gambar-gambar filem dan segala penghiburan orang ramai serta membuat syarat-syarat yang berkenaan dengannya. 8 tahun 1962.

Permulaan kuatkuasa : 21 Ogos, 1962.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Penapisan Gambar-Gambar Filem dan Penghiburan-Penghiburan Orang Ramai. Gelaran pendek.

2. Dalam Akta ini :— Tafsiran.

“Benda iklan” bermakna semua gambar-gambar (photograph) gambar-gambar, patung-patung, ayat-ayat dan segala apa-apa jua benda yang mengiklankan gambar-gambar filem dan penghiburan orang ramai ;

“Lembaga” bermakna Lembaga Penyemak yang dibentuk di bawah syarat-syarat ceraiian (1) bagi bab 10 ;

“Penapis” bermakna sebarang daripada Ahli-ahli dari senarai Penapis, yang tidak kurang dari 3 orang jumlahnya, seperti yang dilantik oleh Setiausaha untuk keadaan yang tertentu untuk menjalankan tugas-tugas menapis seperti yang tersebut di bawah ini ;

“Pameran” bermakna pertunjukan di suatu tempat yang boleh dikunjungi oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai ;

“Hiburan orang ramai” termasuk pertunjukan di panggung-panggung, permainan di atas pentas, wayang-wayang, sendiwara, permainan binatang-binatang atau sarkis, pertunjukan wayang patung-patung, dan apa jua drama, temasya dan apa-apa jua pertunjukan yang boleh dilihat atau apa-apa wayang, yang boleh dikunjungi oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai, sama ada dengan bayaran atau tidak, selain daripada pertunjukan gambar-gambar filem ;

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi Kebudayaan, Belia dan Sukan ;

“Setiausaha” bermakna Setiausaha Penapis yang dilantik mengikut bab 3.

BAHAGIAN II

PUSAT PENAPIS FILEM DAN SETENGAH- SETENGAH PENGHIBURAN ORANG RAMAI

Lantikan
Senarai
Penapis.

3. (1) Maka hendak diadakan satu Senarai Penapis yang mengandungi tidak lebih daripada 12 orang Ahli.

(2) Lantikan Ahli-Ahli Penapis ini adalah diperbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dan tiap-tiap perlantikan akan disiarkan di dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Setiausaha Penapis adalah seorang yang akan dilantik oleh Menteri.

Filem-filem
akan
dipertunjukk-
kan kepada
Penapis.

4. Selain daripada yang dikecualikan berikut, maka semua filem yang hendak dipertunjukkan di dalam Negara Brunei Darussalam mahulah sebelum dipertunjukkan kepada orang ramai dan dengan tuan punya filem itu atau penyewa

filem itu menanggungjawab atas kerosakan filem dan perbelanjaannya, dipertunjukkan kepada Penapis (mengandungi tidak kurang daripada tiga orang Ahli) yang telah dilantik oleh Setiausaha buat menjalankan tugas-tugas menapis filem-filem itu, di suatu masa dan tempat yang boleh ditetapkan oleh Setiausaha. Semasa filem itu ditayangkan untuk penapisan, maka selain daripada Ahli-Ahli Penapis itu, hanyalah penjalan mesin atau lain-lain orang yang dibenarkan khas oleh Ahli-Ahli Penapis berkenaan dengan perkara teknikal, yang boleh menghadiri pertunjukan itu.

5. (1) Setelah melihat sesuatu filem atau bukti-bukti yang lain yang munasabah pada fikiran Penapis, maka Penapis bolehlah :—

Kuasa-kuasa
Penapis.

(a) Membenarkan filem itu dipertunjukkan dengan tidak payah diubah atau dipotong ;

(b) Membenarkan ditunjukkan dengan berubah atau berpotong ataupun keduanya sekali dan dengan syarat yang filem itu akan ditapis semula sebelum ditunjukkan apabila segala perubahan atau pemotongan itu telah disempurnakan ;

(c) Membenarkan ditunjuk dengan tidak payah diubah atau dipotong atau setelah diubah atau dipotong tetapi mengikut berbagai-bagai syarat ; atau

(d) Tidak dibenarkan ditunjuk.

(2) Jika seseorang tuan punya atau penyewa filem itu terkilang di atas keputusan Penapis di bawah ceraiian (1), maka Penapis hendaklah, apabila permintaan diperbuat oleh orang-orang itu, memberi dengan ringkasnya sebab-sebab keputusan dibuat sedemikian.

6. Apa-apa jua perubahan atau pemotongan yang dikehendaki oleh keputusan Penapis di bawah bab 5 boleh diperbuat oleh Penapis dengan persetujuan tuan punya atau

Perubahan
atau
pemotongan.

penyewa filem itu. Jikalau dikehendaki oleh Penapis, maka filem-filem yang telah dikembalikan kepada tuan punya atau penyewa filem untuk diubah atau dipotong itu mahulah ditunjukkan semula kepada Penapis di dalam tempoh 48 jam, dan jua segala keratan filem yang telah ditapis itu akan diserahkan kepada Penapis buat disimpan selagi filem itu berada di dalam Negara Brunei Darussalam.

Ikral
berkenaan
dengan
pengenalan
filem.

7. (1) Penapis dan Setiausaha boleh dengan masing-masing membuat surat ikral iaitu filem yang dikenali di dalam ikral itu adalah salinan yang sebenar atau filem yang dikenali sedemikian adalah salinan yang sebenar bagi filem yang telah ditunjukkan atau akan ditunjukkan bagi penapisan.

Penggal 12.

(2) Sesiapa jua yang membuat surat ikral di bawah bab ini dengan palsu atau tidak betul di atas perkara yang mustahak boleh dihukum mengikut bab 3 Akta Surat Ikral.

Benda-benda
iklan.

8. (1) Semua benda iklan berkenaan dengan filem-filem atau salinan-salinan iklan itu jika dipersetujui oleh Penapis, sebelum disiarkan mahulah diserahkan kepada Penapis dan jua apa-apa maklumat tambahan yang dikehendaki oleh Penapis mahulah disediakan bersama-sama.

(2) Penapis setelah memeriksa benda-benda iklan itu bolehlah membenarkan iklan itu disiarkan dengan syarat-syarat yang pada fikiran Penapis patut dikenakan atau sebaliknya tidak membenarkan iklan itu disiarkan.

Cap
penapisan.

9. Setiausaha akan memakai satu cap penapisan yang dengan pertimbangannya sendiri boleh ditukar atau dipinda dan cap penapisan ini akan menjadi bukti, selagi tidak ada bukti yang lain boleh menafikannya, yang filem ataupun iklan yang telah ditanda dengan cap itu telah ditapis dan dibenarkan dibuat pameran atau disiarkan mengikut syarat-syarat Akta ini.

10. (1) Tuan punya atau penyewa sesuatu filem ataupun benda-benda iklan berkenaan dengan filem yang tidak puas hati di atas keputusan Penapis bersangkutan dengan filem atau benda-benda iklan filem, boleh dengan jalan menulis kepada Penapis di dalam tempoh 28 hari selepas keputusan itu, merayu kepada Lembaga Penyemak yang mengandungi Menteri, Pengarah Pelajaran, Pesuruhjaya Polis dan orang-orang lain jika ada, yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia daripada satu masa ke suatu masa.

Rayuan-
rayuan
daripada
keputusan
Penapis.

(2) Menteri akan menjadi Pengerusi Lembaga itu tetapi jika ia tidak hadir di dalam mesyuarat Lembaga itu, maka bolehlah ahli-ahli yang hadir melantik seseorang daripada mereka yang hadir menjadi Pengerusi. Pengerusi adalah mempunyai undi halus dan muktamad.

(3) Di dalam rayuan di bawah bab ini, atau pun arahan di bawah bab 11, Lembaga akan mempunyai segala kuasa-kuasa Penapis mengikut Akta ini, dan segala keputusan Lembaga adalah mengatasi keputusan Penapis di atas segala perkara yang disemak.

11. Jika Menteri, sama ada dengan mengikut permintaan yang bertulis daripada seseorang atau dengan kehendaknya sendiri, memikirkan yang sesuatu filem yang ditunjuk atau yang boleh dipercayainya yang filem itu akan dipertunjukkan di dalam Negara Brunei Darussalam tidak harus dipertunjukkan, maka ia boleh mengarahkan supaya filem itu disemak oleh Lembaga, dan boleh jua mengarahkan yang filem itu tidak boleh ditunjuk selagi belum disemak.

Penyemakan
yang istimewa
oleh
Lembaga.

12. (1) Sesuatu filem atau benda iklan filem akan dikecualikan daripada syarat-syarat bab 4 jika —

Pengecualian.

(a) Ia ditunjuk atau disiarkan oleh ataupun dengan kebenaran sesebuah jabatan Kerajaan ; atau

(b) Ia telah dibenarkan untuk ditunjuk atau disiarkan oleh Penapis Rasmi di Singapura atau di Malaysia dan jua tidak dipinda atas sebarangnya selepas daripada kebenaran itu.

(2) Perenggan (b) ceraiian (1) tidaklah akan bersangkutan dengan sesuatu filem atau benda-benda iklan filem yang mana Setiausaha dengan sesuatu arahan am atau khas serta bertulis di bawah kuasanya, berkehendakkan diserahkan kepada Penapis.

(3) Untuk maksud-maksud bab ini, “Penapis Rasmi” termasuklah sesiapa jua di Singapura atau di Malaysia, mengikut mana yang berkenaan, daripada satu masa ke suatu masa menjalankan tugas-tugas seumpama dengan tugas-tugas yang masa ini dijalankan oleh Penapis Rasmi di tempat-tempat itu masing-masing.

Bayaran.

13. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menetapkan kadar pembayaran segala khidmat yang telah diberi atau tugas-tugas yang dijalankan di bawah Akta ini.

(2) Maka Lembaga boleh, di dalam sesuatu perkara yang tertentu, mengarahkan yang wang bayaran untuk penye-makannya di kurangkan atau tidak langsung dikenakan.

Penyemakan
penghiburan-
penghiburan
orang ramai.

14. (1) Sama ada Bahagian II telah diturut atau tidak, maka Menteri boleh menegahkan buat sementara apa-apa jua pameran hiburan orang ramai atau penyiaran apa-apa benda iklan yang bersangkutan dengannya, dan pada masa itu jua meminta script atau kenyataan yang penuh berkenaan dengan hiburan itu untuk diserahkan kepada Penapis.

(2) Penapis, berkenaan dengan hiburan orang ramai, yang script atau kenyataan yang penuh telah diserahkan mengikut ceraiian (1), akan mempunyai kuasa yang sama sebagai Penapis di bawah perenggan-perenggan (a), (b) dan (c) ceraiian (1) dari bab 5 bersangkutan dengan filem.

(3) Tuan punya atau pun sesiapa yang bertanggungjawab di atas pertunjukan hiburan orang ramai yang telah terkilan dengan keputusan Penapis di bawah bab ini berkenaan dengan hiburan sedemikian, adalah mempunyai hak yang sama sebagai tuan punya atau penyewa filem seperti yang tersebut di bawah ceraiian (2) bab 5 dan ceraiian (1) bab 10.

(4) Maka Lembaga itu hendaklah, berkaitan dengan sebarang hiburan orang ramai, yang menjadi perkara keputusan oleh Penapis, terhadap mana rayuan telah diperbuat kepada Lembaga itu, mempunyai semua kuasa Penapis dan keputusannya akan mengatasi keputusan Penapis.

15. (1) Seseorang yang mempamerkan atau menyiarkan, ataupun menyebabkan atau membiarkan supaya ditunjuk atau disiarkan sesuatu filem atau benda-benda iklan bagi filem, Pamerān atau penyiaran yang mana belum dibenarkan lagi, akan bersalah dan akan boleh dihukum, apabila telah didapati salah, dengan penjara selama 12 bulan dan didenda sebanyak \$30,000.

Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.

(2) Seseorang, dengan tidak mempunyai kebenaran daripada Penapis, yang mempamerkan sesuatu cap penapisan, ataupun mempamerkan sesuatu cap yang dikira sebagai salah untuk cap penapisan, bersangkutan dengan filem ataupun benda-benda iklan bagi filem-filem akan bersalah dan akan boleh dihukum, apabila telah didapati salah, dengan hukuman penjara selama 6 bulan dan didenda sebanyak \$12,000.

(3) Seseorang yang melanggar, ataupun menyebabkan atau membiarkan supaya dilanggar, suatu arahan yang dibuat oleh Menteri di bawah bab 11 akan bersalah dan boleh dihukum, apabila telah didapati salah, dengan hukuman penjara selama 3 bulan dan didenda sebanyak \$6,000.

(4) Seseorang yang mempamerkan, ataupun menyebabkan atau membiarkan supaya ditunjuk sesuatu pameran orang ramai atau benda-benda iklan yang berkenaan dengan

pameran orang ramai apakala pertunjukan itu atau iklan demikian telah ditegahkan di bawah ceraiian (1) bab 14, maka orang itu adalah bersalah dan boleh dihukum, apabila telah didapati salah, dengan hukuman penjara selama 6 bulan dan didenda sebanyak \$12,000.

(5) Seseorang yang mempamerkan, ataupun menyebabkan atau membiarkan supaya dipamerkan, sesuatu hiburan orang ramai yang script atau kenyataan telah dihantarkan kepada Penapis mengikut syarat-syarat ceraiian (2) bab 14, dan pameran orang ramai yang demikian belum lagi dibenarkan untuk dipamerkan oleh Penapis, ataupun, jika sekiranya perkara itu untuk merayu keputusan Penapis, oleh Lembaga, maka orang itu adalah bersalah dan boleh dihukum, apabila telah didapati salah, dengan hukuman penjara selama 6 bulan dan didenda sebanyak \$12,000.

(6) Jika sekiranya, di dalam perbicaraan di atas kesalahan di bawah ceraiian (3), (4) atau (5), Mahkamah berpuas hati iaitu semasa yang kena tuduh itu melakukan kesalahannya, ianya tidak mengetahui dan tidak boleh dengan menggunakan perhatian yang munasabah, mendapat tahu yang adanya arahan atau tegahan sedemikian, mengikut mana yang berkenaan, maka yang kena tuduh itu tidak akan didapati salah di atas tuduhannya.

(7) Dengan tidak menyinggung kepada sahnya cara-cara memaklumkan yang lain-lain yang memadai pada pandangan mahkamah, maka suatu arahan di bawah bab 11 atau suatu tegahan di bawah bab 14 adalah dianggapkan telah dimaklumkan kepada seorang yang kena tuduh di bawah kesalahan bab ini, jika orang itu telah diberitahu dengan mulut oleh Setiausaha atau sebarang pegawai polis di atas segala arahan atau tegahan yang demikian.

(8) Suatu surat keterangan yang dikatakan sebagai arahan di bawah bab 11 atau tegahan di bawah bab 14, selagi tidak ada bukti yang lain menafikannya, adalah menjadi bukti

di dalam mana-mana perbicaraan di bawah ceraiian-ceraian (3), (4) dan (5), yang arahan atau tegahan sedemikian telah dibuat, dengan tidak dikehendaki bukti yang tandatangan di atas arahan atau tegahan sedemikian adalah kepunyaan Menteri.

BAHAGIAN III

PENAPISAN OLEH PENAPIS TEMPATAN BAGI PENGHIBURAN ORANG RAMAI

16. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat bolehlah melantik tidak lebih daripada jumlah 5 orang dan tidak kurang daripada jumlah 3 orang (selepas ini dipanggil “Penapis Tempatan”) sebagai Penapis bagi hiburan orang ramai untuk sesuatu kawasan tertentu atau Daerah di dalam Negara Brunei Darussalam.

Penapis
Tempatan.

17. Tidak ada sesuatu hiburan orang ramai yang boleh dipertunjukkan melainkan jika hiburan itu ditunjukkan mengikut dan sesuai dengan kebenaran Penapis Tempatan atau, jika sesuatu rayuan dibuat, dengan kebenaran Lembaga Penyemak, dan jika sekiranya dipertunjukkan dengan bellawanan dengan syarat-syarat di atas, maka tuan yang punya penghiburan, dan sesiapa yang bertanggungjawab di atas pertunjukan itu, dan sesiapa yang membiarkan supaya pertunjukan hiburan itu, adalah bersalah dan boleh dihukum, apabila telah didapati bersalah, dengan hukuman penjara selama 6 bulan dan didenda sebanyak \$12,000.

Kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman.

18. Sesuatu Penapis Tempatan, berhubung dengan mana-mana hiburan orang ramai, adalah mempunyai kuasa yang sama sebagai Penapis filem mengikut perenggan-perenggan (a), (c) dan (d) ceraiian (1) dari bab 5 berhubung dengan sesuatu filem :

Kuasa-kuasa Penapis Tempatan.

Dengan syarat iaitu hak-hak merayu di atas keputusan Penapis Tempatan adalah diadakan, dan bagi maksud-maksud rayuan sedemikian, cerai-an-ceraian (3) dan (4) bab 14 adalah digunakan bagi penapisan oleh Penapis Tempatan sebagai digunakan bagi penapisan oleh Penapis tetapi dengan menggantikan perkataan “Penapis Tempatan” pada perkataan “Penapis”.

BAHAGIAN IV

RAMPAIAN

Peraturan-
peraturan.

19. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan amnya untuk menjalankan syarat-syarat Akta ini, dan khasnya untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi —

(a) Aturan-aturan yang diperbuat bagi penapisan sesuatu filem atau hiburan orang ramai, ataupun sesuatu benda iklan berkenaan dengan filem atau hiburan orang ramai ; dan

(b) Cara-cara yang akan diikuti di atas sesuatu rayuan kepada Lembaga Penyemak, di atas sesuatu arahan di bawah bab 11 ataupun di atas sesuatu tegahan di bawah bab 11 atau bab 14.

(2) Mana-mana peraturan-peraturan yang diperbuat di bawah bab ini bolehlah mempersyaratkan iaitu sesuatu pelanggaran mana-mana peraturan-peraturan itu akan menjadikan kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman yang ditetapkan yang tidak lebih daripada penjara selama 3 bulan dan didenda sebanyak \$6,000.